

**TEKS UCAPAN
YB. DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN MOBILE IDENGUE**

**KHAMIS, 3 MAC 2016
DEWAN SEMINAR
AGENCI REMOTE SENSING MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

[salutasi akan dimuktamadkan berdasarkan status kehadiran]

YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM

Menteri Kesihatan Malaysia

YB. DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YBHG. DR. CHEN CHAW MIN

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

YBHG. DATO' DR. MOHD AZHAR HJ. YAHAYA

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

YBRS. PROF MADYA DR. RAMZAH DAMBUL

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

KETUA-KETUA JABATAN MOSTI DAN KKM

KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

PARA TETAMU KEHORMAT

WAKIL-WAKIL MEDIA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran **YB Datuk Seri Dr S. Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia** atas kesudian YB Datuk Seri Dr untuk hadir dan sebentar lagi bersama melancarkan **Mobile iDengue**.

YBhg. Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

2. **Kerajaan sentiasa menggalakkan Kementerian serta agensi untuk melaksanakan kerjasama menggunakan pendekatan *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*.** Melalui pendekatan ini, agensi-agensi dapat menggunakan secara optimum kepakaran dalaman sedia ada di agensi masing-masing untuk penghasilan produk dan sistem aplikasi yang lebih bernilai tinggi.

3. **Di pihak MOSTI, khususnya ARSM, sehingga kini telah menjalankan kerjasama dengan 55 agensi kerajaan secara NBOS merangkumi sembilan (9) bidang aplikasi utama** iaitu pertanian dan perikanan, sumber asli dan alam sekitar, pemantauan dan pembangunan tanah, penilaian dan pengurusan hartanah, pengauditan alam sekitar dan pembangunan fizikal, perladangan komoditi, pengurusan bencana, keselamatan dan pertahanan negara termasuk kesihatan persekitaran yang dilaksanakan bersama KKM.

4. Pelancaran Mobile iDengue pada hari ini adalah merupakan menifestasi kepada usaha-usaha bagi menyerlahkan salah satu produk hasil kerjasama NBOS antara **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui Agensi Remote Sensing Malaysia bersama Kementerian Kesihatan Malaysia, melalui Bahagian Kawalan Penyakit** sejak tahun 2010.

5. Syabas dan tahniah kerana **pembangunan Sistem Aplikasi Mobile iDengue ini telah dilaksanakan secara dalaman sepenuhnya oleh ARSM dan KKM.** Kepakaran ARSM dalam teknologi remote sensing, GIS, GPS dan ICT terkini, manakala kepakaran KKM dalam bidang kesihatan telah digembleng dengan jayanya untuk menghasilkan satu inovasi yang boleh dimanfaatkan untuk kesejahteraan rakyat. Saya dimaklumkan bahawa pembangunan sistem aplikasi ini menggunakan perisian *open source* dan dilaksanakan menggunakan teknologi dan kemudahan ICT sedia ada di ARSM dan KKM. Ini bukan sahaja menjimatkan peruntukan kerajaan, malahan juga dapat memastikan keselamatan maklumat sensitif negara terus terpelihara.

6. Saya dimaklumkan bahawa **Sistem Pengurusan Wabak Denggi** atau lebih dikenali sebagai **SPWD** pada awalnya diguna pakai dikalangan Pegawai Kesihatan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah dan mula dioperasikan secara berperingkat ke seluruh negara mulai 2011.

7. **Penggunaan imej satelit beresolusi tinggi dalam sistem SPWD berupaya mengesan tempat-tempat berisiko tinggi pembiakan aedes seperti kawasan pembinaan dan juga kawasan pembuangan sampah haram yang tidak dapat dikesan semasa pemeriksaan di lapangan.** Ini akan memudahkan pegawai kesihatan merancang dan melaksanakan aktiviti kawalan dan penguatkuasaan secara lebih berkesan.

8. Saya berbangga kerana **Sistem SPWD ini telah mendapat pengiktirafan Kerajaan apabila memenangi Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) bagi Kategori ICT tahun 2013. Sistem ini juga telah menerima Anugerah Khas Inovasi KKM 2013** pada tahun

tersebut. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam projek ini.

Hadirin sekalian,

9. **Kejayaan ini merupakan salah satu contoh bahawa pembudayaan STI di sektor awam dapat mentransformasikan mutu perkhidmatan sedia ada kepada perkhidmatan yang mempunyai nilai tinggi.** Kejayaan sistem SPWD telah mendorong ARSM dan KKM mengambil inisiatif untuk meningkatkan sistem penyampaian maklumat denggi yang lebih tepat dan terkini kepada orang awam melalui medium yang lebih mudah dan mesra pengguna.

10. **Justeru, satu (1) Portal Sistem iDengue untuk Komuniti telah berjaya dibangun dan dioperasikan pada tahun 2013, bertujuan meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat untuk turut bersama-sama memerangi dan menangani wabak denggi di negara kita.** Sistem iDengue telah dilancar oleh YB Datuk Seri Dr sendiri pada 15 Jun 2013, di Sungai Petani, Kedah sempena Hari Denggi ASEAN.

11. Berdasarkan maklum balas dan capaian orang awam kepada Portal Sistem iDengue, **ARSM dan KKM telah mengambil inisiatif untuk memperluas dan mengoptimumkan lagi capaian pengguna kepada maklumat denggi di Malaysia melalui Mobile iDengue.** Pengguna mobile iDengue ini boleh mengetahui status denggi terkini di lokasi semasa pengguna berada secara *real-time*.

12. Untuk makluman hadirin sekalian, **statistik maklumat kes denggi di Malaysia dikemaskini setiap hari dalam aplikasi ini.**

Kewujudan Aplikasi Mobile iDengue ini telah meningkatkan lagi keberkesanan kaedah penyaluran maklumat mengenai status denggi dengan mudah, cepat dan tepat kepada pengguna. Aplikasi ini juga, menyediakan kemudahan untuk pengguna membuat aduan serta memberi maklum balas berkaitan denggi kepada pihak berkaitan untuk makluman dan tindakan segera.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. **Kejayaan NBOS antara MOSTI melalui ARSM dan KKM** ini patut menjadi contoh kepada agensi-agensi kerajaan yang lain kerana pendekatan ini telah berjaya mengurangkan kos pembangunan dan pengoperasian yang berkaitan. Sukacita saya maklumkan, kos yang terlibat adalah minimum, yang mana hanya melibatkan kos pengurusan sumber di peringkat jabatan.

14. Pelancaran Aplikasi Mobile iDengue ini juga diharap **menjadi satu pemangkin ke arah mengoptimumkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan** dan meningkatkan kadar penglibatan masyarakat secara terus dalam membantu Kerajaan memerangi wabak denggi di Malaysia. Melalui kerjasama ini, Kerajaan juga telah berjaya **mentransformasi dan meningkatkan mutu pekhidmatan** kepada rakyat serta meningkatkan imej dan tanda aras kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

15. Mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia, kerana sudi hadir pada majlis ini untuk turut serta bersama-sama saya bagi menyempurnakan majlis pelancaran Aplikasi Mobile iDengue pada hari ini. Saya juga merakamkan terima kasih yang

tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat menjayakan majlis pada hari ini. Semoga usaha ini dapat meningkatkan lagi kesejahteraan dan kesihatan masyarakat Malaysia di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.